

Kata Ganda: Latihan 1 (Pilih jawapan yang paling sesuai.)

- 1.) Banyak orang sedang ____ di air terjun itu.
A. minum-minum B. terjun-terjun C. mandi-manda D. melompat-lompat
- 2.) Katak itu ____ kerana dikejar oleh ular senduk.
A. melompat-lompat B. kejar-mengejar C. berlari-lari D. tolong-menolong
- 3.) Pak Lokman ____ kepala Saiful sambil memuji kejujurannya.
A. membuak-buak B. mencakar-cakar C. menggaru-garu D. mengusap-usap
- 4.) Kilat yang ____ menyebabkan adik bongsu tidak berani tidur di dalam biliknya seorang diri.
A. cela-mencela B. sabung-menyabung C. sahut-menyahut D. balas-membalas
- 5.) Anak gadis Cigku Aziz ____ belaka.
A. dua-dua B. cantik-cantik C. solek-menyolek D. anak-beranak
- 6.) Bunyi yang mersik boleh menyebabkan kerosakan pada ____ telinga.
A. gegendang B. langit C. jejari D. dedaun

segar-bugar

kecil-kecilan

bersimpang-siur

kura-kura

kucar-kacir

mandi-manda

ramah-tamah

tolong-menolong

calar-balar

takut-takut

Kata Ganda: Latihan 2 (Pilih jawapan yang paling sesuai.)

- 1) Tan Fook telah memulakan projek ternakan ayam daging secara _____.
- 2) Saya berasa _____ untuk menyampaikan ucapan terutamanya dalam majlis yang besar.
- 3) Rozan melepaskan semula _____ yang ditangkapnya tadi ke dalam tasik itu.
- 4) Loo Mun mungkin tersesat kerana jalan ke kampung ini _____.
- 5) Masyarakat Malaysia memang terkenal dengan sikap _____.
- 6) Badan para pendaki bukit itu _____ terkena duri semasa mendaki bukit itu.
- 7) Ai Ling terjumpa gelang emas sewaktu dia _____ di kolam renang itu.
- 8) Keadaan menjadi _____ apabila sebuah kereta tiba-tiba meletup.
- 9) Encik Long memasukkan sayur-sayuran yang _____ itu ke dalam bakul sebelum dihantar ke pasar.
- 10) Kita perlu menerapkan budaya _____ dalam kehidupan seharian.